

**PERKEMBANGAN INSTITUSI MEMORI (LAM) PADA ERA BRITISH
DI TANAH MELAYU**

***THE DEVELOPMENT OF MEMORY INSTITUTION IN THE BRITISH ERA IN
MALAYA***

Ahmad Farid Abd Jalal*
Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang, MALAYSIA

Rahimin Affandi Abdul Rahim**
Universiti Malaya, MALAYSIA

Muhammad Jumaidy Abdul Manap***
Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang, MALAYSIA

Abstrak

Makalah ini bertujuan meneliti perkembangan institusi memori LAM (*Library, Archive, Museum*) atau perpustakaan, arkib dan muzium ketika era penjajahan British di Tanah Melayu. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan penilaian data daripada sumber-sumber primer sepenuhnya dari Arkib dan Muzium Negara. Dapatan kajian mendapati bahawa usaha penggunaan LAM di Eropah yang berasaskan falsafah *Enlightenment* telah diaplikasikan oleh pihak British dalam penjajahan Tanah Melayu. Realiti ini boleh dilihat antara lainnya dalam catatan pihak British tentang Tanah Melayu sebelum merdeka. Antaranya peranan perundangan Islam yang telah dinafikan selain maklumat bancian, pemetaan dan kerangka muzium yang berpihak kepada kepentingan British.

Kata kunci: Institusi Memori (LAM), Perpustakaan, Arkib, Muzium, British

Abstract

This paper aims to examine the development of LAM memory institutions (Library, Archive, Museum) or libraries, archives, and museums during the British colonial era in Malaya. This study is using qualitative methods that involve the collection and evaluation of primary sources from National Archive and Museum. The findings of the study show that the efforts of using LAM in Europe based on the philosophy of the Enlightenment have been applied by the British in the colonization of Malaya. This reality can be seen, from the British writings on Malaya before independence. Among them was the role of Islamic jurisprudence that has been denied and census information, mapping and museum frameworks that are in favor of British interests.

Keywords: *Memory Institution (LAM), Library, Archive, Museum, British*

Pengenalan

Sejarah dan memori adalah amat penting untuk kehidupan manusia. Dengan keduanya manusia belajar memahami alam dan kehidupan serta membangunkan tamadun. Sejarah tamadun dunia mencatatkan bahawa terdapat jalinan tiga institusi memori serentak yang bertanggungjawab membangunkan sesuatu tamadun. Institusi memori ini adalah perpustakaan, arkib dan muzium (LAM). Kita percaya golongan intelektual terlibat dalam ketiga-tiga institusi ini. Kesemuanya terlibat dalam mengumpul, merawat, menyelidik dan mendidik ahli masyarakat menggunakan

warisan sejarah. Atas dasar itu, Margaret Hedstrom & John Leslie King (2006) telah mengkategorikan ketiga-tiga institusi memori ini sebagai budaya tinggi milik sesuatu tamadun.¹ Oleh itu, kajian ini akan menilai penggunaan ketiga-tiga institusi memori milik British dalam penjajahan Tanah Melayu. Terpenting sekali warisan institusi memori ini masih boleh dikaji di mana ianya masih lagi tersimpan sama ada di Tanah Melayu ataupun di Britain walaupun selepas merdeka.

Fungsi Institusi Memori LAM dalam Sejarah

Institusi memori LAM (*Library, Archive, Museum*) adalah terma generik untuk institusi dan repositori yang menjaga kelimuan awam. Ia merujuk kepada perpustakaan, arkib dan muzium. Termasuk sama dalam kategori ini adalah monumen warisan, zoo dan *botanical garden*. Sarjana moden turut memasukkan peranti perpustakaan digital yang membekalkan maklumat sejarah dan memori kemanusiaan. Maklumat ini dapat digunakan oleh generasi manusia untuk memahami sejarah dan jati diri mereka.² Lebih penting lagi maklumat sejarah ini bakal membantu mereka memahami tiga dimensi sejarah sekaligus iaitu dimensi telah lalu dan dimensi sekarang. Dua dimensi ini kemudiannya akan digunakan untuk meramal dimensi ketiga iaitu dimensi akan datang.³

Perpustakaan

Perpustakaan adalah institusi yang menumpukan kepada usaha pengumpulan dokumen bercetak. Sebelum mesin percetakan dihasilkan, perpustakaan mengumpulkan tablet, skrol, dokumen *papyrus* dan semua bentuk manukrip tulisan tangan. Kemudiannya, selepas diperkenalkan mesin percetakan, kandungan koleksi perpustakaan diperluaskan kepada pengumpulan media digital seperti muzik, filem dan semua jenis media elektronik. Peranan utama perpustakaan adalah untuk membantu pembelajaran sama ada bagi orang perseorangan ataupun institusi pendidikan. Apa yang membezakan perpustakaan dengan arkib terletak kepada peranan arkib untuk tujuan pentadbiran.⁴ Manakala perpustakaan pula lebih menyediakan perkhidmatan membekalkan maklumat kepada pengguna melalui kaedah penyediaan ruangan membaca, khidmat pinjaman, khidmat fotokopi dan khidmat penyediaan pengkalan data (*database*) secara dalam talian.

Arkib

Arkib adalah institusi yang menumpukan usaha mengumpulkan dokumen ataupun rekod sama ada dalam bentuk teks, gambar dan nota muzik yang kebiasaannya merupakan bukan tiga dimensi. Setiap rekod ini mestilah unik kerana dihasilkan melalui proses pentadbiran, perundangan, perdagangan dan aktiviti sosial. Ia membawa maksud dokumen ini tidak dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan. Umumnya, setiap masyarakat memerlukan usaha mencatatkan urusan aktiviti kemasyarakatan seperti catatan banci penduduk, catatan kutipan cukai, catatan urusan perniagaan, perjanjian dan pemetaan sesuatu kawasan. Pendek kata, kesemua organisasi sosial dan pentadbiran memerlukan catatan ataupun rekod rasmi untuk setiap aktiviti. Oleh itu, arkib dapat dijadikan sebagai pusat yang menyalurkan sumber primer untuk dijadikan sebagai bahan bukti sesuatu peristiwa bersejarah yang telah berlaku.

Muzium

Margaret Hedstrom seorang pakar di bidang perpustakaan dan arkib telah meletakkan muzium dalam hirarki pertama di antara perpustakaan dan arkib. Baginya, institusi muzium telah mendahului kedua institusi yang lain. Usaha pengumpulan bahan alam semulajadi yang dilakukan oleh pengumpul muzium yang awal dikenali dengan nama '*cabinet of curiosities*' kemudiannya telah mencetuskan pembentukan perpustakaan, arkib dan universiti.

Muzium adalah institusi yang menumpukan perhatian kepada pengumpulan bahan atau objek muzium dalam bentuk *tangible* (nyata) dan *intangible* (tidak nyata). Ia adalah artifak yang dihasilkan melalui kebudayaan dan kearifan tempatan sesuatu masyarakat. Antara contoh-contohnya adalah pakaian, perabot, peralatan muzik, lukisan, binatang, bahan mineral, botani dan zoologi. objek muzium ini biasanya bermutu tinggi, mempunyai nilai seni, unik, asli (penolakan kepada usaha peniruan objek) dan mewakili zaman tertentu. Objek muzium dikategorikan sebagai bahan dokumen yang dianggap sangat berharga bagi tujuan penyelidikan. Muzium ini seperti mana perpustakaan memainkan peranan besar untuk bidang pendidikan. Ia dilihat dapat membantu program pendidikan formal di sekolah. Bahkan kaedah pendidikan di muzium yang dibuat melalui kaedah pameran terbukti lebih berkesan kerana ianya dapat dilihat dan disentuh, berbanding dengan pembelajaran di sekolah.

LAM, Budaya Ilmu dan Tamadun Masyarakat

Kewujudan LAM dalam masyarakat Eropah membuktikan wujudnya budaya ilmu dalam masyarakat tersebut. Ia bertepatan dengan pandangan bahawa tamadun yang dibina atas dasar budaya ilmu akan berdiri kukuh dan mampu bertahan lama. Hedstrom menegaskan bahawa peranan budaya ilmu ini dapat dirujuk kepada peranan yang dimainkan oleh institusi memori LAM di Eropah. Tegas Hedstrom lagi, institusi LAM ini telah melahirkan *renaissance*, *enlightenment* dan revolusi industri.⁵ Perkembangan muzium di Eropah terbahagi kepada beberapa zaman.

LAM pada Zaman *Renaissance* (Abad ke-16 hingga ke-17)

Selepas kejatuhan empayar Rom pada tahun 476 Masihi, benua Eropah telah dilanda zaman kegelapan yang berlarutan sehingga abad ke-13. Dalam tempoh 800 tahun itu, tidak banyak aktiviti keilmuan yang berlangsung. Walaupun sebahagian dunia Eropah menganuti agama Kristian, fahaman animisme yang meletakkan kepercayaan kepada sihir berakar umbi dalam masyarakat Eropah sehingga menjadikan masyarakat Eropah sebuah masyarakat yang ketinggalan dari segi penguasaan ilmu pengetahuan.⁶ Mengikuti Shaikh Mohd Saifuddeen Bin Shaikh Mohd Salleh,⁷ pada abad ke-13, Robert Grosseteste (1175-1253) telah membawa masuk pengetahuan mengenai pendekatan saintifik ke Eropah berdasarkan pendedahan yang diperoleh beliau daripada hasil penulisan Aristotle, Ibn al-Haitham dan Ibn Sina (980-1037).⁸

Antara pemikiran saintifik awal milik sarjana Islam; *pertama*, kesedaran agama dan sains tidak mempunyai masalah, bahkan agama mengalakkan usaha mengembangkan ilmu sains. *Kedua*, kepentingan menggunakan akal fikiran untuk mendapatkan ilmu. Sumber ilmu adalah alam semesta yang perlu dikumpulkan untuk tujuan mendapatkan maklumat. Hal ini dapat dilakukan melalui penyelidikan saintifik yang bersandarkan pada pengumpulan bukti-bukti yang boleh dicerap, bersifat empirikal dan boleh diukur. Hal ini penting supaya pengetahuan yang diperoleh itu ialah pengetahuan yang boleh dipercayai. Ringkasnya, kaedah penyelidikan saintifik melibatkan proses pengumpulan data melalui pencerapan dan menjalankan

eksperimen, di samping membentuk dan menguji hipotesis. Berasaskan kepada falsafah pemikiran saintifik awal ketika itu, usaha pengumpulan sumber alam telah dilakukan oleh golongan bangsawan. Ia telah disimpan dan dipamerkan dalam ruangan khusus yang dikenali sebagai '*cabinet of curiosities*'. Koleksi proto muzium ini diperolehi daripada kawasan luar Eropah seperti Afrika, Amerika, Asia, Timur Tengah dan Indo-Pakistan. Koleksi proto muzium ini terdiri daripada empat perkara, iaitu i) naturalia - spesimen ciptaan tuhan; ii) artifak - objek ciptaan manusia; iii) barangan antik - objek mempunyai nilai sejarah dan iv) barangan etnografi - barangan eksotik daripada budaya asing.⁹

Tujuan utama koleksi pada zaman ini adalah bermegah dan mengangkat status pemilikinya. Ia lebih ditumpukan pada objek yang unik seperti bahagian anggota badan haiwan, peralatan milik masyarakat asing dan objek unik yang jarang ditemui. Terpenting sekali koleksi proto muzium ini diharapkan dapat menimbulkan sifat ingin tahu yang disertai kemudiannya dengan usaha penyelidikan lanjutan.¹⁰ Ia bagi memperlihatkan pengalaman mereka bertemu, berinteraksi dan membangunkan masyarakat perimitif yang dijajah.

LAM pada Zaman *Enlightenment* (Abad ke- 17 hingga ke-18)

Berbanding dengan zaman sebelumnya, kaedah muzium pada zaman ini telah berubah menjadi semakin matang. Aktiviti muzium di Eropah pada era ini dipengaruhi oleh falsafah pencerahan (*enlightenment*) yang berkembang di Eropah. Pada masa ini Britain telah menjadi kuasa global yang semakin kaya kerana terlibat dalam penjajahan di kebanyakan kawasan dunia. Ia juga terlibat secara langsung dalam perdagangan hamba di negara transatlantik (rentas benua antara Afrika- Atlantik). Falsafah ini mengandungi beberapa intipati utama yang dijelmakan dalam aktiviti permuziuman. Ia telah menjadi roh dan pendorong kepada aktiviti muzium. Falsafah ini terdiri:

Pertama, kepercayaan yang tinggi diberikan kepada sains yang menekankan penggunaan akal saintifik dalam pemahaman sesuatu perkara tentang alam semulajadi. Ia secara langsung menolak autoriti agama dan tradisi silam. Penekanan utama diberikan kepada pemikiran sains yang kononnya dapat memberikan penjelasan logik dan saintifik pada sesuatu perkara. Dalam segenap perkara, proses pembelajaran dan pemahaman sesuatu perkara perlu digunakan pendekatan sains iaitu melalui kaedah mengumpul, mencatat, mengukur elemen fizikal, membentuk hipotesis yang kemudiannya akan diuji kebenaran hipotesis serta teori ilmu melalui pengujian yang berterusan.

Falsafah *enlightenment* ini menuntut semua pihak perlu terlibat dalam kegiatan ilmu. keterlibatan ini sama ada sebagai pengajar, pencari ilmu, penyelidik dan penaja kepada usaha mencari ilmu. program pencarian ilmu dianggap lebih berharga daripada usaha pencarian harta kekayaan. Masyarakat barat seperti British dan Perancis memaklumi bahawa dengan pgunaan ilmu mereka bakal dapat menguasai dan menjajah masyarakat lain, khususnya di luar Eropah seperti Afrika, Timur Tengah dan Asia.

Kedua, terdapat tujuh disiplin ilmu yang berkembang pada masa ini. Kesemuanya telah diterapkan dalam aktiviti muzium yang terdiri:

1. Pengetahuan tentang alam semulajadi. Kajian membabitkan bidang ini telah diusahakan oleh pengkaji barat yang mengisi koleksi muzium barat. Ia terdiri daripada bidang botani, zoologi mineral dan sebagainya.

2. Arkeologi.
3. Seni dan tamadun.
4. Skrip (sistem tulisan) klasik.
5. Agama.
6. Perdagangan dan penemuan kawasan baru.
7. Klasifikasi alam dunia.

Apa yang jelasnya, aktiviti muzium yang membabitkan ketujuh-tujuh bidang ini perlu dilakukan melalui cara tertentu. Pertama, mengumpulkan semua aspek fizikal berupa objek, artifak, monumen dan manuskrip. Kedua, mencatat semua perkara asas tentang koleksi seperti latar belakang sejarah objek yang dikumpulkan - dimana, oleh siapa, untuk tujuan apa kegunaan objek terbabit. Ketiga, mengklasifikasi koleksi muzium yang terkumpul kepada beberapa kategori tertentu untuk tujuan pemerolehan pengetahuan yang lebih mendalam.

Pembahagian koleksi muzium dibuat mengikut saintifik taksonomi yang dibahagi kepada bidang seni, sejarah dan sains. Penerangan setiap bahan disusun secara rasional yang mudah difahami oleh akal yang waras dan bukannya sekadar untuk bermegah kerana memiliki elemen misteri yang tidak logik. Di Britain, pada abad ke-17, Universiti Oxford telah melahirkan Muzium Ashmolean yang dianggap sebagai muzium tertua di Britain. Ia merupakan koleksi peribadi milik John Tredescants yang menjadi sarjana tukang kebun kepada beberapa orang bangsawan ternama seperti Lord Wotton, di Canterbury. Di seluruh Eropah sepanjang abad ke-16, memang wujud koleksi awal muzium ini yang mengandungi koleksi alam semula jadi seperti botani, zoologi, mineral dan artifak ciptaan manusia. Antaranya yang terkenal di Itali adalah koleksi milik Francesco Calceolari, Ulisse Aldrovandi, Michele Mercati and Ferrante Imperato. Kesemuanya merupakan sarjana perubatan di Itali dan hal yang sama turut dikesan di German dan Belanda.

British yang diwakili oleh Syarikat India Timur British (EIC) yang terlibat dengan program kolonialisme memang berpegang kepada world-view kapitalisme. Ia adalah sistem ekonomi dan sosial yang berkembang di barat. Bahkan tamadun barat pada waktu itu dikenali dengan nama tamadun kapitalis (*capitalist civilization*). Ia diasaskan kepada *world-view* kapitalisme berupa kepercayaan, pemikiran dan pendekatan terhadap kaedah menguruskan ekonomi. Semangat kapitalisme pegangan British menyatakan manusia sebagai *homo economicus*. Ia berupa sikap hati-hati, bijaksana, rajin dan bersungguh-sungguh dalam melakukan perniagaan. Dalam soal ini manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada sifat ketamakan manusia tanpa ada campur tangan daripada agama. Semangat ini yang mendorong perkembangan kolonialisme di barat dalam era Merkantilisme (1500-1750). Negara bangsa seperti British menetapkan dasar bahawa pihak swasta seperti EIC perlu diberikan kebebasan untuk memperkembangkan ekonomi. Ringkasnya, di sebalik semua perkembangan fizikal yang semakin baik, tetapi falsafah sekularisme- kapitalisme-kolonialisme telah menyebabkan pihak kolonial British menjadi bangsa yang kejam yang menjajah dan memerah hasil bumi serta bahan artifak milik pelbagai masyarakat tanah jajahan.

Dalam konteks muzium di Eropah, British Museum telah dibina melalui jalan penindasan iaitu penjajahan ke atas bangsa asing. Isi kandungan British Museum telah dipenuhi dengan hasil rampasan daripada masyarakat tanah jajahan British di seluruh dunia.¹¹ Hal ini terbukti dengan tiga fakta berikut:

Pertama, pengunjung British Museum menyatakan koleksi British Museum diisi dengan hasil rompakan dan penindasan ke atas bangsa lain.¹² Ianya dijelaskan seperti berikut:

1. Fascinating to see a lot of what is here but can't help thinking that a lot of what you see was stolen from other countries – I was conflicted.
2. Went to British museum to see some stolen stuff.' 'Everything in this museum is stolen from other countries. It is like a house of thievery done by colonists. But yeah, it looks good.'
3. I liked it but I felt bad. Give back what you stole from Greece and Egypt.
4. The British Museum? Where is that? That Museum in London is the National Greek & Egyptian Museum. It has nothing British in it! Stealing someone's history and refusing to give it back...At least don't call it British!¹³

Kebanyakan artifak milik masyarakat tanah jajahan yang mengisi British Museum dikategorikan sebagai bukan daripada tamadun tinggi tetapi hanya sekadar hasil budaya masyarakat bawahan. Hal ini diterangkan oleh Yuka Inoue:

“During this period, exhibitions flaunted the nation's 'wealth' and 'power over other countries' to the general public. These two aspects of museums contributed to the ideological construction of representing cultural artefacts. As non-European cultures were excluded from mainstream 'high culture', their artefacts were not recognised as artwork, and often referred to as craft. Objects from non-white and non-European backgrounds were considered important purely as ethnographic resources.”¹⁴

Kedua, koleksi spesimen milik Hans Sloane yang menjadi bahan asas British Museum dihasilkan semasa beliau bertugas sebagai doktor di ladang tebu di Jamaica, TELAH diusahakan oleh golongan hamba berkulit hitam.¹⁵ Ia membawa maksud, koleksi British Museum yang dibanggakan adalah terhasil daripada penindasan terhadap masyarakat lain.¹⁶

Ketiga, timbul tuntutan dalam kalangan sarjana barat sendiri agar artifak berharga milik masyarakat tanah jajahan dipulangkan balik kepada pemilik asalnya iaitu masyarakat bekas tanah jajahan.¹⁷

Joseph Maria, seorang penyelidik muzium sebagai contohnya telah melakukan kajian terhadap artifak masyarakat tanah jajahan yang tersimpan di muzium di barat. Ia mendedahkan daripada rekod sejarah yang dicatat oleh penjajah Eropah sendiri tentang beberapa fakta yang agak mengemparkan. Antaranya, artifak berharga milik masyarakat peribumi di Afrika, Timur Tengah, India dan Asia kebanyakannya dirampas oleh penjajah Eropah yang dianggap sebagai harta rampasan perang. Mereka memang mengetahui artifak ini yang berupa patung objek keagamaan, perhiasan emas, tembaga, gading, peralatan senjata, manuskrip ilmu dan sebagainya memang mempunyai pasaran yang tinggi di Eropah. Contohnya, Raffles dicatatkan telah merompak barangan istana keraton di Jogjakarta. Hal ini kerana usaha mengumpulkan bahan artifak eksotik dalam koleksi muzium memang menjadi kegilaan di Eropah pada abad ke-18. Peminat barangan eksotik ini sanggup membeli dan menaja proses mendapatkannya di tanah jajahan. Dilaporkan timbul rungutan pihak muzium pusat di Eropah tentang ketiadaan ruang yang mencukupi untuk menyimpan jumlah artifak yang terlalu banyak. Bahkan ada di

antara artifak ini yang telah rosak teruk apabila kurang mendapat penjagaan yang baik. Contohnya, Batu Pucangan dan Batu Catatan Raja Sailendra daripada Indonesia. Kedua-duanya telah rosak teruk akibat tidak dijaga dengan baik oleh pegawai British. Hal ini dicatatkan oleh Joseph Maria:

“In 1812 Colonel Colin Mackenzie of the British-Indian forces in Java collected the Pucangan Stone. It was shipped to the colonial administration in India and is currently in a storeroom of the Indian Museum in Kolkata. Through the years, the clarity of the inscription on ‘the sole known documentary source’ about the reign of King Airlangga (1019 - 1049), has been damaged. In the same period, Mackenzie collected the 10th century East-Javanese Sangguran stone, also with a rare inscription. Lieutenant-Governor T.S. Raffles donated it to the Governor-General of India, Lord Minto. Upon his departure, Minto took ‘the last known recorded document issued by the Sailendra rulers of ancient Mataram in Central Java (8th - 10th century)’ to his estate in Scotland, where heavy winds and rain erased the inscription of what has become now a ‘garden ornament’. The Minto family wants a high sum as compensation, which Indonesia is unwilling to pay”.¹⁸

Penjajahan Tanah Melayu Melalui Ilmu Kolonial di Tanah Melayu

Pihak penjajah British meneruskan falsafah *enlightenment* Eropah apabila mereka menjajah Tanah Melayu. Mereka bergantung kepada pendekatan ilmu, selain menggunakan kaedah ketenteraan. Pihak British telah menggunakan disiplin Antropologi-Orientalisme bagi tujuan kajian dan pengawalan masyarakat tanah jajahan. Ia terdiri daripada empat perkara utama iaitu ilmu kolonial, *census* (sistem bancian), peta dan muzium.¹⁹

Ilmu Kolonial dan Muzium Sebagai Alat Penjajahan British di Tanah Melayu

Pihak kolonial British telah mengasaskan ilmu kolonial iaitu ilmu yang dihasilkan oleh sarjana barat yang menjadi pentadbir British melalui penyelidikan lapangan di Tanah Melayu.²⁰ Ia mengandungi serba serbi maklumat tentang masyarakat tanah jajahan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan yang sepatutnya. Ia berupa pelbagai kajian yang membabitkan latar belakang manusia Alam Melayu dalam bentuk laporan, hasil bancian, jurnal ilmiah, catatan peribadi, bibliograpi dan manuskrip.²¹ Usaha pengumpulan semua perkara membabitkan masyarakat dan Alam Melayu sebenarnya adalah untuk memahami dan membentuk ilmu tentang masyarakat yang dijadikan asas atau alat untuk menguasai pemikiran masyarakat Melayu. Ia berasaskan dasar dan epistemologi (falsafah, pendekatan, metodologi dan tafsiran) yang dilakukan oleh sarjana penjajah kolonial British tentang masyarakat tanah jajahan. Ilmu kolonial yang dihasilkan melalui penyelidikan etnografi sarjana-pentadbir British tentang masyarakat tanah jajahan disesuaikan dengan perkara berikut:

Matlamat Kolonialisme Dalam Sistem Pendidikan Kolonial

Ilmu kolonial dilakukan bagi mendapatkan sebanyak mungkin data tentang sumber kekuatan dan kelemahan masyarakat Melayu yang kemudiannya dipergunakan untuk mengekalkan kuasa British di Tanah Melayu. Contohnya, dasar pendidikan kolonial di Tanah

Melayu merupakan hasil daripada data ilmu kolonial yang dikumpulkan. Ia sebagai langkah untuk memastikan susun lapis masyarakat feudal Melayu yang membezakan orang awam dan pembesar masih dikekalkan. Apabila ini berlaku, mereka akan memastikan kelas pembesar Melayu yang dilatih di Maktab Melayu Kuala Kangsar menganut fahaman sekularisme. Mereka kemudiannya akan menjadi agen atau orang tengah untuk menyebarkan fahaman ini kepada masyarakat awam. Hal ini ternyata berkesan kerana masyarakat Melayu memang menghormati golongan pembesar ini. Maknanya, mereka dapat memastikan agar huru hara tidak berlaku di Tanah Melayu, walaupun mereka datang untuk mentamadunkan masyarakat tempatan tanpa mengubah struktur masyarakat feudal selain mengukuhkan sistem feudal Melayu.²²

Pihak kolonial telah menyediakan tiga bentuk sistem pendidikan yang berbeza antara golongan pembesar, masyarakat awam dan etnik imigran. Bagi masyarakat awam Melayu, tujuan utama dasar kolonial British adalah:

1. Untuk kestabilan politik supaya Tanah Melayu tidak mengalami kekacauan akibat daripada pendidikan yang mungkin boleh menyedarkan orang Melayu untuk bangun memberontak dan mengusir pihak kolonial sebagaimana yang berlaku di India.
2. Untuk mengekalkan status quo orang Melayu agar mereka mengamalkan cara hidup tradisional sebagaimana harapan pihak kolonial hendak menjadikan orang Melayu selamanya penanam padi, nelayan, bercucuk tanam dan menetap di kampung-kampung dengan beridentitikan orang kampung yang memiliki kemahiran dan kesenian sedia ada.
3. Pendidikan Melayu tajaan pihak kolonial hanya mengharapkan orang Melayu memegang jawatan pangkat rendah dalam perkhidmatan kerajaan kolonial. Pekerjaan yang disandang oleh anak-anak Melayu setelah tamat belajar hanya sebagai pemandu kereta lembu, penanam padi, nelayan dan pengusaha kedai runcit kecil-kecilan. Pihak kerajaan kolonial juga mengharapkan anak-anak Melayu yang bersekolah agar dapat mempelajari cara hidup yang berperaturan, taat dan jujur jika mereka bekerja kelak.
4. Pihak kerajaan kolonial berharap agar dasar mereka terhadap pendidikan Melayu akan dapat membantu mengatasi masalah buta huruf dan dapat menjadikan orang Melayu cerdik serta tidak ditipu oleh orang yang tidak bertimbang rasa lebih-lebih lagi dalam masyarakat pelbagai kaum yang terdapat di Tanah Melayu.²³

Oleh itu, sekolah untuk pembesar, iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar diwujudkan bagi melahirkan pemimpin pelapis dan elit yang bakal membantu mereka dalam semua dasar. Kandungan pelajaran lebih menekankan pada *world-view* sekular. Penekanan utama diberikan kepada usaha pembentukan peribadi dan kepimpinan mengikut acuan *Eton Public School* di Britain. Semua subjek seperti sejarah yang diajar lebih berasaskan pada usaha menunjukkan kehebatan British di Eropah. Maktab Melayu Kuala Kangsar menekankan penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pengajarannya berbanding sekolah Melayu.²⁴ Hal yang demikian menyebabkan terdapat begitu banyak kekurangan sekolah Melayu berbanding Maktab Melayu Kuala Kangsar. Antaranya:

1. Bahasa Inggeris dan pemikiran yang lebih baik tidak disediakan. Sarjana-pentadbir kolonial menyatakan tidak ada gunanya mengajar bahasa Inggeris kepada orang Melayu kerana akan menyebabkan pelajar menjadi *over educated* yang bakal mengganggu *status quo* semasa;

“... it is sufficient for the ordinary requirements of the Malay boys, who will become bullock wagon drivers, padi-growers, fishermen, etc...and enable them by the time they have passed the fourth standard to read and write the simple literature of their tongue, ...to keep accounts if they are to become small shopkeepers, and to work simple problems in the money, currency, weights and measures of their country”.²⁵

2. Bentuk kurikulum untuk sekolah Melayu cukup untuk memberikan *education dan instruction*. Pengarah pendidikan British, Wolff menerangkan terma *education* adalah merujuk kepada membangun dan menghidupkan apa yang memang telah ada di sekeliling mereka. Manakala terma *instruction* pula adalah menambah sedikit maklumat baru untuk meneruskan kehidupan domestik sebagai petani dan nelayan. Maka dengan itu, Winstedt telah mengusahakan subjek kemahiran kerja pertukangan dan pertanian untuk sekolah Melayu.²⁶ Berbeza pula dengan kurikulum sekolah elit seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar. Mereka digalakkan untuk membangunkan potensi intelektual berasaskan *world-view* barat dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pada ketika itu ramai dalam kalangan bangsawan dan elit Melayu yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini dan kemudiannya melahirkan ramai lepasan MCKK yang kini menjadi pemimpin tinggi di Malaysia

“The boy in the English school with a brain that has already begun to develop on proper lines; he has begun to learn how to learn, he is able to digest what he is taught, his progress at the English school is rapid and what he learns is likely to be knowledge and not merely 'cram'”.²⁷

Sebaliknya, apa yang berlaku ialah raja-raja Melayu begitu bersetuju British menyediakan sistem pendidikan sebegini untuk orang awam bagi membantu mereka menghadapi cabaran pemodenan yang tidak menentu dengan cara membiarkan mereka tinggal di kawasan pedalaman. Mereka diharapkan tidak akan menceburi dunia moden yang berada di kawasan bandar.²⁸

Gambar 1: Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dibina oleh British pada tahun 1905



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Gambar 2: Sultan Ahmad Shah Pahang, duduk nombor 2 dari kiri ketika belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Ilmu Kolonial Disesuaikan dengan Falsafah *Euro-Centric*

Euro-centric adalah cara pandang Barat dalam memahami dunia dan sesuatu perkara berasaskan metodologi ilmu dalam bidang sains dan sains sosial. Ia bukannya bersifat objektif tetapi terpengaruh dengan *world-view* Barat. Apa yang jelasnya, setiap pemikiran dan perilaku manusia pasti terpengaruh dengan agama, ideologi dan sosio-budaya yang dipegangnya. Apa sahaja yang mereka pandang akan mengikut perspektif mereka sendiri tanpa mempedulikan sama ada ianya betul atau tidak.²⁹

Untuk menjadikan ilmu kolonial ini dapat kekal lama, mereka berusaha menunjukkannya sebagai ilmu yang objektif. Hal ini dapat dilakukan dengan menerbitkannya dalam jurnal akademia antarabangsa milik mereka sendiri. Selepas merdeka, penerbitan *The Asiatic Society* dianggap bermutu tinggi kerana dianggotai oleh penyelidik seluruh dunia. Tulisan sarjana-pentadbir British telah diterbitkan dalam jurnal di bawah *Royal Asiatic Society* yang dianggap objektif (betul) pada waktu silam. Kononnya paparan setiap keluaran artikelnya tidak *bias* dan disahkan oleh pakar penyelidik yang lain (*peer review*).³⁰ Pada waktu itu tidak ada sarjana yang boleh membantah dan memperbetulkan pandangan silap mereka. Ia seperti proses mendapatkan persetujuan ahli yang pakar yang bakal mengangkat status kajian menjadi lebih objektif dan dirujuk oleh orang ramai.

Jelas, hegemoni British turut meninggalkan kesan mendalam kepada penerbitan jurnal ilmiah tempatan, khususnya apabila setiap artikel terbitan sarjana-pentadbir British akan dianggap sebagai rujukan paling berotoriti.³¹ Status ilmu kolonial secara tidak langsung telah diperkukuhkan melalui kaedah hegemoni. Pihak British telah menggunakan pendekatan dominasi dan hegemoni dalam penjajahan Tanah Melayu. Dominasi akan menggunakan kuasa ketenteraan, manakala hegemoni akan menggunakan pendekatan intelektual. Proses sesuatu hegemoni berlaku apabila masyarakat, seperti masyarakat Melayu semacam bersetuju diri mereka dikuasai oleh British kerana ia dibuat melalui saluran yang sah seperti berikut:

1. Mendapat pengesahan otoriti sultan yang memperkenankan British datang menjajah dengan matlamat untuk mengajar orang Melayu.
2. Dibantu dengan peruntukan undang-undang khusus.
3. Dibantu dengan sistem pendidikan British bila mana masyarakat didedahkan dengan keunggulan sistem British berbanding dengan sistem sedia ada terpakai di Tanah Melayu.

Jadi, dapat difahami bahawa ilmu kolonial adalah ilmu tentang masyarakat tanah jajahan yang dikumpul, dianalisis dan dipersembahkan mengikut sudut pandang Barat. Walaupun ianya kelihatannya agak lengkap, tetapi tetap mempunyai banyak kelemahan seperti berikut:

1. Ianya *bias* pada pihak kolonial. Mereka telah mewujudkan *Pre Conceived Idea* berbentuk binari; bahawa peribumi lemah yang perlu di tamadunkan melalui penjajahan.
2. Tidak lengkap kerana dibuat sepintas lalu dan umum semata-mata. Kita boleh memberikan suatu contoh yang menggunakan kaedah ini. Pihak British telah mengkaji tentang agama Hindu di India daripada pengalaman berjumpa dengan masyarakat India yang kemudiannya dikategorikan sebagai agama Hindu. Hal ini dilakukan tanpa merujuk sendiri kepada sumber agama Hindu itu sendiri yang lebih merupakan sumber *heresay* (agakan semata-mata). Hasil kajian ini dikatakan sebagai agama Hindu yang disahkan melalui penerbitan di peringkat antarabangsa. Apabila hal ini tidak dibantah oleh pakar agama Hindu, ia telah dianggap sebagai betul dan boleh dijadikan sebagai sumber yang berotoriti.

3. Mereka menilai dan membawa pengalaman di Eropah untuk dibandingkan dengan sejarah Tanah Melayu. Contohnya, mereka menerangkan tentang keburukan sistem feodal dan nisbah pemikiran kolot yang dipegang oleh orang Melayu dengan pengalaman bangsa Eropah zaman *dark age*. Hal ini salah kerana semasa mereka berada di zaman *dark ages*, tamadun Melayu sudah muncul di Alam Melayu dengan segala pencapaian yang tinggi.³²
4. Generalisasi tentang orang Melayu sangat negatif kerana orang Melayu hanya dikatakan sebagai bangsa petani yang malas dan tidak mempunyai keupayaan intelektual untuk berubah. Sedangkan mengikut Joel Kahn,³³ hujah bersifat *stereotype* Melayu ini adalah kurang tepat. Alasannya, ia menyebut pada abad ke-19 hingga ke-20 memang terdapat ramai orang Melayu yang menjadi saudagar di kawasan bandar yang sedang berkembang pada waktu penjajahan British. Bahkan peratusan mereka mencapai sebelas hingga lima belas peratus daripada penduduk bandar besar antara tahun 1911 hingga 1947.³⁴

Warisan Ilmu Kolonial dan Institusi Memori (LAM) Selepas Merdeka

Selepas merdeka, maklumat kajian ilmu kolonial telah disimpan atau diabadikan dalam institusi memori (LAM) milik kuasa British yang hari ini dirujuk sebagai perpustakaan, arkib dan muzium. Mengikut Hedstrom, keberkesanan institusi LAM ini agak jelas kerana ia dianggap ilmu yang bersifat objektif walaupun sebenarnya ia penuh dengan elemen *bias*. Hasil penelitian yang dibuat terhadap Institusi Memori (LAM) di Malaysia mendapati beberapa perkara seperti berikut:

Warisan Ilmu di Perpustakaan

Selepas merdeka, di Britain terdapat beberapa institusi yang menyimpan koleksi ilmu kolonial yang membabit rantau Alam Melayu. Andai dikaji secara mendalam, kita akan mendapati kesemua institusi ini pada hakikatnya adalah sebuah muzium ataupun bekas perpustakaan yang menyimpan galeri ilmu kolonial. Apa yang berbeza hanya skop bidang ilmu yang diberikan penekanan. Ia telah dimanfaatkan oleh penyelidik terkemudian dalam usaha untuk mengetahui realiti suasana masyarakat Melayu pada era penjajahan British. Menyedari hal itu, kerajaan telah mengenalpasti premis dan lokasi untuk dijadikan perpustakaan. Misalnya Istana Leban Tunggal yang asalnya dimiliki oleh YAM Tengku Besar Pahang, Tengku Sulaiman ibni Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah, kemudiannya dibeli oleh Kerajaan Pahang daripada waris Tengku Besar dan pernah dijadikan sebagai Perpustakaan Awam Pekan, Pahang.

Gambar 3: Istana Leban Tunggal yang dibina pada tahun 1935



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Selain itu, terdapat banyak tinggalan bangunan kolonial British yang telah dinaiktaraf menjadi perpustakaan. Tujuan bangunan ini digunakan untuk memanfaatkan bangunan tinggalan tersebut bagi kegunaan khalayak ramai. Antara bangunan kolonial yang dinaiktaraf sebagai perpustakaan ialah Perpustakaan Diraja atau dikenali sebagai Khutubkhanah di Kuantan, Pahang yang merupakan salah satu tinggalan bangunan zaman British suatu ketika dahulu.

Gambar 4: Perpustakaan Diraja atau Khutubkhanah di Kuantan, Pahang



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Gambar 5: Bangunan Khutubkhanah Diraja Berciri Senibina Kolonial British



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang


Jika dilihat di Barat, institusi yang terbabit dalam pengumpulan bahan Alam Melayu ialah British Library dan School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London. Ia menyimpan sejumlah besar manuskrip milik masyarakat Melayu silam. Walaupun kajian etnografi milik sarjana kolonial sebenarnya dibuat untuk tujuan ilmu, tetapi sayangnya ia digunakan untuk tujuan lain. Misalnya, pihak British banyak mengumpulkan *Malay Digest* (Undang-Undang Tubuh Negeri Melayu) yang menunjukkan hukum Islam dilaksanakan di Tanah Melayu secara baik. Namun begitu, realiti ini cuba dinafikan apabila kuasa British menyatakan bagaimana keadaan masyarakat Melayu berada dalam huru hara akibat ketiadaan sistem undang-undang yang betul. Sebab utamanya adalah kerana pihak British mahu pemakaian undang-undang sivil Inggeris dilaksanakan di Tanah Melayu³⁵ dan sebahagiannya masih kekal sehingga ke hari ini.

Sejarah mencatatkan bahawa Kerajaan Melayu Melaka telah pun melaksanakan undang-undang Islam dalam bentuk yang holistik.³⁶ Ia termaktub dalam *Hukum Kanun Melaka* yang mengandungi undang-undang, undang-undang laut, undang-undang perkahwinan orang-orang Islam, undang-undang Islam tentang jual beli dan undang-undang Johor.³⁷ Menyedari hal ini, beberapa sarjana tempatan membawa gagasan penggunaan *Malaysian Common Law* demi untuk menolak pemakaian *English Common Law* di Malaysia. Sekiranya perkara ini ingin dilakukan, mereka perlu membuktikan bahawa *Malay Digest* yang dipakai di negeri-negeri Melayu telahpun bertapak lama di Tanah Melayu sebelum kedatangan British. Namun, agak malang sekali kerana kebanyakan *Malay Digest* ini tidak boleh didapati di Malaysia sedangkan menerusi kajian Jelani Harun (2008), terdapat sejumlah besar manuskrip perundangan Islam milik masyarakat Melayu klasik (*Malay Degists*) tersimpan di British Library dan School of Oriental and African Studies (SOAS).³⁸

Koleksi Primer di Arkib Negara

Arkib Negara Malaysia mengandungi koleksi rekod primer British, Belanda dan sebagainya tentang pentadbiran semasa era kolonial. Mengikut amalan arkib, sesuatu fail sulit hanya boleh dibuka, dikaji dan diakses oleh penyelidik setelah melepasi tempoh 25 tahun. Memang menjadi amalan pihak British menyimpan secara terperinci catatan tentang suasana pentadbiran masyarakat peribumi di negeri Melayu, banci etnik penduduk yang pelbagai bersama dengan jumlahnya dan realiti kegiatan ekonomi (hasil bumi) yang boleh dimanfaatkan. Ia termasuk dasar yang diputuskan oleh pejabat tanah jajahan di London bagi menghadapi permasalahan selain menyimpan gambar-gambar rasmi yang membabitkan masyarakat tanah jajahan.

Gambar 6: Dokumen daripada fail Pejabat Sultan Pahang dan Pejabat Kolonial di Arkib Negara Malaysia



Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu / Pahang

Gambar 7: Telegram pada zaman dahulu yang digunakan sebagai alat menyampaikan pesanan ringkas

Fig. 312/35. POSTS AND TELEGRAPHS DEPARTMENT, MALAYA. (P. & T. - 1)

CLASS..... LOCAL No..... TELEGRAM FORM. NO. OF TELEGRAM.....

HANDED IN AT..... SENT..... For Postage Stamps. (To be affixed by sender.)
Any stamp for which there is not room here should be affixed at the back of this form, in the top left hand corner.

No. OF WORDS..... DATE..... TIME..... M..... AT..... To.....
By.....

SERVICE INSTRUCTIONS.....
Write here any special instructions, Urgent, I.C., D.L.T., G.L.T., etc.
Write here "REPLY PAID" (R.P.....) if a reply is to be prepaid.

A receipt for the charges on this telegram can be obtained from the address should contain all the particulars necessary to ensure the delivery of the telegram to the address, without search or enquiry. Please write clearly.

To: { Sultan Mahmud Sultan Johore

Please reserve for Tengku Ahmad
Son of Sultan Pahang 3 sleeping books
from Johore to Kuala Lumpur on night
23 December
Secretary Sultan

Name and address of sender if not to be telegraphed should be written below. This space to be used for signature and title of Franking or Authenticating Officer in the case of Government telegrams.

Sumner Arkib Negara Malaysia
CAW. TRG / FIG.

If the telegram is to be forwarded at deferred daily letter or social rate, the declaration on the back of the form must be signed.

Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu /Pahang

Gambar 8: Dokumen tahun 1940 yang disimpan di Arkib Negara Malaysia

فجائت يحميا مليا سلطان فيج.

رئس.

2077-200-10-1-07-B 10/38

تاهن 1940 فد 23 هاربيون اوكتوبر T. Muhammad. نسخة يمينر دسائين اوله

كفد سيكوتارو سيدفة فيج،
كوالا لفسين.

وهك احوال اولده بيده دغن حومة بدمعلومه كغدها بة بيت
بابة نينه دغها بة هكده بدمعلومه كغدها بة بيت
دالم ملين كوالا لفسين اوله تاهن 1940 هذفن اين . اوله بدمومين
دغها بة هاروف دغن جالين لجا بة بيت مينيفك تحفة بلاجر توكوا حمد دكولده
ابة دان اف هاربيون دكده توكوا اي كغده دسان . دمينله بيت معلومك كد
بدا بقة تا بيدا جوادان .

Sumner Arkib Negara Malaysia
CAW. TRG / FIG.

Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu/ Pahang

Secara umumnya, catatan sesuatu peristiwa atau perkara itu penting kerana dokumen arkib boleh menjadi bahan bukti di kemudian hari apabila timbul tuntutan dan sebagainya. Misalnya, ketidakpuasan hati saudagar Arab di Negeri Selat terhadap sistem pentadbiran Islam tempatan darihal status perkahwinannya dengan wanita tempatan yang tidak mempunyai rekod

nikah kahwin. Kesnya adalah berkaitan kesibukan saudagar Arab tersebut yang sering berulang alik daripada Alam Melayu ke Timur Tengah sehingga menjejaskan status perkahwinannya. Untuk menyelesaikan hal tersebut, maka “Anglo-Muhamadan Law” di Negeri-negeri Selat pada tahun 1800-an telah digunakan membabitkan *legal precedent* (keputusan penghakiman qadi di bawah pentadbiran British). Mereka memilih untuk menerima pakai Anglo-Muhamadan Law kerana ia mempunyai rekod nikah kahwin dan cerai setiap pasangan secara terperinci.³⁹

Dokumen asal di arkib juga boleh mengesahkan sikap seseorang atau pihak tertentu. Misalnya laporan pembaharuan pendidikan British di Maktab Perguruan Sultan Idris (*Sultan Idris Training College* atau SITC) yang menjadi pusat melatih guru Melayu pertama di Tanah Melayu. Hasilnya, maklumat penting tentang dasar British dalam penyediaan buku teks dapat diketahui. Maklumat ini antara lainnya menyebut tentang kritikan pentadbir kolonial seperti R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson terhadap karya sejarah dan sastra Melayu yang dikatakan tidak saintifik, tidak ilmiah dan lebih berteraskan prinsip mitos dan penuh dengan elemen feudalisme.⁴⁰ Kenyataan ini secara tidak langsung telah merendahkan mutu karya-karya tempatan.⁴¹ Malah, guru-guru Melayu di SITC juga turut dilatih menerima pakai paradigma pemikiran kolonial yang kononnya lebih sesuai dengan keperluan zaman moden.⁴²

Contoh lain boleh dilihat melalui isu persempadanan. Sebelum kedatangan British, negeri Melayu telah mempunyai konsep persempadanan (peta) yang tersendiri. Konsep persempadanan ini memang tidak berbentuk garisan sempadan secara fizikal. Antara negeri dengan negeri yang lain biasanya dipisahkan oleh hutan, paya, sungai dan laut. Sempadan sesebuah negeri boleh jadi berubah apabila sesebuah kawasan jatuh ke tangan pihak lain. Ini menunjukkan penentuan sempadan negeri-negeri Melayu dahulu bersifat lemah dan boleh dicabar.⁴³ Namun begitu orang Melayu pada ketika itu mempunyai kayu ukur dan penilaian tersendiri berhubung konsep sempadan. Kaedah-kaedah mudah digunakan seperti penandaan semulajadi untuk mengenalpasti sempadan, misalnya sungai dan laut.

Kedatangan British membawa satu dimensi baru dalam konsep sempadan di Tanah Melayu. Ianya menjadi lebih sistematik dengan penandaan dan pemetaan yang jelas serta diurus oleh suruhanjaya yang ditubuhkan khas. Manakala proses penetapan sempadan yang bercirikan ketepatan, perjanjian bertulis dan sempadan yang diukur, ditandapetakan dan melalui dokumen yang disahkan.⁴⁴ Rentetan itu, asas penentuan sempadan antara negeri di Malaysia pada hari ini juga adalah berdasarkan konsep-konsep yang diperkenalkan oleh British seperti *Treaty with the King of Quedah, 1800 (Confirmed 1802)*, *Frontier and Boundary Treaties (Quedah 1831)*, *Rumbowe Boundary Agreement* bertarikh 9 Januari 1833, *Johole 1833*, Perjanjian 1867, *The Boundary Convention* bertarikh 20 Jun 1891 (ditandatangani di London), *Award 1898*, Perjanjian Bangkok 1899 [Perjanjian Sempadan], *Federation of Malaya Government Gazette* yang telah diwartakan oleh kerajaan negeri masing-masing, Memorandum of Understanding, pertukaran surat menyurat di antara Setiausaha Residen, jajaran lot-lot sedia ada dan mengikut legeh utama (*watershed*).

Pihak British mewujudkan peta kawasan alam dan Tanah Melayu mengikut pendekatan barat. Kawasan Alam Melayu dipecahkan kepada pelbagai kawasan bersesuaian dengan perjanjian 1824. Ia membahagikan kawasan Alam Melayu mengikut jajahan di bawah kekuasaan British dan Belanda.⁴⁵ Jelas kelihatan, pihak British bertindak seolah-olah mendapat mandat tuhan dan persetujuan kerajaan Melayu dalam mewujudkan sistem peta ini. Akhirnya, tanpa disedari, kawasan Alam Melayu dibahagikan kepada dua peta utama; *British Malaya* dan *British North Borneo*. Ia secara langsung telah menukar status kedua kawasan ini daripada tanah air⁴⁶ menjadi tanah jajahan British.⁴⁷

Mengikuti kajian Nur Dayana Mohamed Ariffin terhadap hasil bancian dan pemetaan yang dibuat oleh pihak kolonial di Tanah Melayu mendapati bahawa walaupun kelihatannya seolah-olah hasil usaha pihak kolonial ini berteraskan kajian yang bersifat objektif demi kepentingan masyarakat majmuk, namun hal yang sebaliknya berlaku. Apa yang dijalankan oleh pihak kolonial ini adalah demi kepentingan penguasaan politik, sosial dan ekonomi mereka. Ia secara langsung menjustifikasikan teori migrasi tajaan pengkaji barat bahawa etnik negrito adalah penduduk asal Tanah Melayu, sedangkan bangsa lain seperti Melayu adalah pendatang luar. Jadi ia seolah-olah menafikan konsep ketuanan Melayu di Tanah Melayu.⁴⁸

Mengikuti Margaret Hedstrom (2003), catatan dokumen dalam sesuatu urusan pentadbiran, perundangan dan perdagangan akan menunjukkan penguasaan sesuatu otoriti terhadap subjek yang dicatat. Walaupun dokumen arkib ini berfungsi dan penting dalam menentukan kebenaran, namun kadang-kadang menjadi masalah apabila ditafsir dalam sudut yang lain. Misalnya, apabila pihak British mencatat urusan tentang pentadbiran, perundangan dan perdagangan masyarakat Melayu, seolah-olah realiti masyarakat Melayu ditentukan mengikut kriteria kuasa British. Antara bukti terpenting adalah takrif Melayu yang dipakai di Malaysia sebenarnya berasal daripada apa yang diberikan oleh Raffles. Takrifan ini dipakai secara meluas dalam rekod bancian British di Tanah Melayu.⁴⁹ Selain itu, *Census* (banci) yang merupakan proses mengumpul jumlah penduduk oleh British telah mewujudkan kategori mengikut ras, status dan kawasan tempat tinggal. Ia langsung tidak mengambil kira sistem pembahagian ras yang terpakai sebelumnya dalam masyarakat Melayu. Susunan ras ini dibuat mengikut kategori teori Charles Darwin; bangsa kulit putih lebih mulia, manakala bangsa bukan kulit putih dianggap hina dan premitif.⁵⁰ Hal ini amat malang sekali kerana pihak British telah mengubah demografi masyarakat di Tanah Melayu selepas mereka membawa masuk imigran Cina dan India.⁵¹

Kepelbagaian Legasi di Muzium

Muzium mengandungi artifak, objek, manuskrip dan monumen milik masyarakat Tanah Melayu. Berbeza dengan pandangan sarjana barat yang mengaitkan pembangunan tamadun dengan perpustakaan, arkib dan muzium semata-mata, untuk konteks sejarah Alam Melayu, ternyata istana turut memainkan peranan muzium dalam masyarakat Melayu. Apa yang jelasnya, istana menjadi penjaga koleksi artifak dan manuskrip Melayu sebelum wujudnya muzium kolonial. Semua koleksi yang terdapat pada muzium di zaman moden berasal daripada istana. Ia telah berfungsi sebagai 'muzium kuno' yang memainkan peranan sebagai sebuah institusi yang penting dalam memelihara dan menjaga khazanah warisan bangsa - nyata dan tak nyata. Terdapat beberapa contoh bangunan istana ditukar menjadi muzium di Malaysia. Antaranya ialah; *Pertama*; Istana Besar Johor (1866) yang dijadikan Muzium Diraja Abu Bakar, Johor pada 1982. *Kedua*; Istana Kenangan, Istana Lembah dan Istana Tepas, Perak (1926) yang dijadikan sebagai Muzium Diraja Kuala Kangsar pada 16 November 1986. *Ketiga*, Istana Kota Beram (1948) yang dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 17 Mac 1976. *Keempat*, Istana Batu, Kelantan (1939) yang dijadikan Muzium Diraja pada 25 Julai 1991. *Kelima*, Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan (1908) dirasmikan sebagai Muzium Diraja pada 14 Julai 1992 bersamaan 14 Muharram 1413 Hijrah. *Keenam*, Istana Negara Lama, Kuala Lumpur (1957) dijadikan Muzium Diraja pada 1 Februari 2013 sehingga kini.

Kesinambungan istana sebagai pusat kebudayaan dan intelektual Melayu diteruskan di muzium-muzium dalam Malaysia selain terdapat juga bangunan warisan kolonial dijadikan

muzium. Muzium Pahang memaparkan sejarah dan peristiwa sepanjang Kesultanan Pahang Moden selain watak-watak yang berperanan dalam sejarah moden Pahang turut di pameran sama ada dalam kalangan istana, pembesar-pembesar, pahlawan-pahlawan dan pegawai-pegawai kolonial yang pernah berkhidmat di Pahang selain alat kebesaran diraja.

Gambar 9: Galeri Istana Sebagai Institusi Intelektual Awal Melayu, Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Gambar 10: Galeri Kesultanan Melayu Pahang, Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Gambar 11: Gamelan Melayu di Muzium Sultan Abu Bakar



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Gambar 12: Pakaian Melayu Pahang menggunakan kain tenun Pahang berserta kaedah pemakaian busana Melayu



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Gambar 13: Galeri Kehambaan, Muzium Sultan Abu Bakar memaparkan konsep permuziuman yang berbeza dengan ilmu permuziuman kolonial



Sumber: Unit Penyelidikan, Muzium Negeri Pahang

Istana berfungsi sebagai semi muzium yang menjadi sebuah gedung bagi segala sumber ilmu pengetahuan dan tempat simpanan artifak warisan Melayu berharga. Ia juga menjadi perlambangan ketinggian tamadun Alam Melayu ketika itu selain berperanan menjaga khazanah manuskrip Melayu seperti karya *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Pahang*, *Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang*, kitab-kitab agama dan lain-lain lagi. Daripada manuskrip yang dikelola oleh institusi diraja ini, banyak perkara berkaitan khazanah warisan bangsa dapat diketahui termasuk segala alat kebesaran diraja, selain instrumen-instrumen muzik berstatus seperti gamelan, nobat dan nafiri, senjata Melayu tradisi yang terdiri dari pelbagai koleksi keris hinggalah ke tekstil persalinan golongan bangsawan seperti tenun dan songket yang berkualiti tinggi pembuatannya.⁵² Dalam konteks Tanah Melayu, beberapa manuskrip Melayu disimpan di muzium atau Perpustakaan Negara Malaysia. Misalnya *Hukum Kanun Pahang*, sebuah manuskrip undang-undang yang lengkap digunakan di Pahang sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiyiddin Shah, Sultan Pahang ke-12. Ketika ini Pahang adalah di bawah takluk Kerajaan Melayu Melaka.

Gambar 14: *Hukum Kanun Pahang*



Sumber: Muzium Masjid Sultan Abdullah, Pekan Pahang

Selain istana, masjid juga turut dijadikan muzium pada hari ini. Misalnya Masjid Abdullah yang dibina pada tahun 1929 dan siap untuk digunakan pada tahun 1931 berdasarkan senibina Moorish. Masjid yang dibina sewaktu pemerintahan British di Pahang telah dijadikan muzium yang dikenali sebagai Muzium Masjid Sultan Abdullah, Pekan Pahang.

Gambar 15: Masjid Abdullah ini dibina pada tahun 1929



Sumber: Muzium Masjid Sultan Abdullah, Pekan Pahang

Setelah kedatangan kolonial, proses pengumpulan artifak ini diusahakan oleh pentadbir kolonial semasa mereka bertugas di Tanah Melayu. Data dalam bentuk bahan bertulis akan disimpan di arkib dan bahan artifak akan disimpan dan dipamerkan di muzium.⁵³ Misalnya, wang *Dollar* Negeri-Negeri Selat telah digunakan secara meluas di negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Wang kertas lama ini masih disimpan di muzium pada hari ini sebagai bukti penggunaannya dalam urusan jual beli suatu ketika dahulu terutama sewaktu era kolonial.

Gambar 16: Wang Dollar Negeri-negeri Selat



Sumber: Unit Koleksi, Muzium Negeri Pahang

Secara umumnya, pihak British menjadikan masyarakat tanah jajahan sebagai bahan untuk dipamerkan dan masyarakat Melayu telah menjadi bahan pameran (*Imagine Society*) yang digambarkan mengikut kehendak pihak British. Di peringkat falsafah, kerangka persembahan muzium kolonial dibuat berdasarkan dua falsafah; *Pertama*, falsafah *evolutionism* yang menganggap tamadun barat sebagai lebih tinggi berbanding dengan tamadun timur.⁵⁴ Pencapaian tamadun barat ini disebabkan kerana penerimaan fahaman sekularisme dan menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia.⁵⁵ Sebaliknya, masyarakat selain barat yang masih berpegang kepada agama dianggap sebagai mundur dan tidak bertamadun. Ia harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah melalui proses penjajahan.⁵⁶ Bahkan tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat timur ini dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang perlu dimainkan oleh masyarakat Eropah.⁵⁷

Kedua, falsafah *Diffusionisme* yang menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan.⁵⁸ Tetapi kerana faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru oleh masyarakat Melayu. Sikap ini secara terang-terangan telah menafikan kearifan masyarakat tempatan (*local genius*) dalam membina sesuatu tamadun tempatan.⁵⁹ Antara budaya asing yang kononnya telah mencirikan kebudayaan Melayu adalah Hindu-Budhha, Arab, India, Parsi dan terpenting

sekali adalah budaya Inggeris sendiri.⁶⁰ Kedua falsafah ini mempengaruhi kerangka muzium kolonial. Persembahan artifak di muzium kolonial dibuat dalam bentuk *periodization* khusus bersesuaian dengan teori evolusi Charles Darwin dalam bentuk yang menerangkan perkara berikut:

1. Pembahagian ras manusia sedunia; ras kulit putih menduduki ras teratas berbanding dengan ras lain.
2. Asal usul orang Melayu; penerangan tentang asal usul zaman pra sejarah dan penghijrahan daripada kawasan luar Alam Melayu.
3. Zaman dan kawasan tertentu; pengaruh budaya asing (hindu, china dan barat) di Alam Melayu.
4. Sumber alam-botani, geologi dan zoologi.⁶¹

Alam Melayu telah menjadi medan utama pegawai British memungut spesimen manusia, haiwan, botani untuk membuktikan ketepatan teori evolusi Charles Darwin. Wallace seorang penyelidik British yang mengumpul koleksi spesimen Tanah Melayu dan Sarawak menetapkan bahawa setiap spesimen perlu dibahagikan mengikut lokasi geografi, etnografi, geologi, botani dan zoologi. Semua spesimen perlu diklasifikasi bagi menerangkan saiz dan bentuknya yang berbeza. Fakta tentang manusia, flora dan fauna akan melalui proses ini. Bagi etnografi, beliau cuba menunjukkan manusia berbeza mengikut mutu tertentu. Spesimen manusia bukan Eropah digambarkan sebagai lebih rendah dan primitif berbanding dengan manusia Eropah, sesuai dengan teori Darwin tentang wujudnya manusia pra sejarah. Wallace cuba membuktikan kebenaran teori ini dan meneruskan penyelidikan mencari manusia zaman pra sejarah (*Pre-History Men*) di kawasan Alam Melayu. Antaranya, termasuk penyelidikan di kawasan tapak arkeologi Gua Niah di Sarawak.⁶² Semua objek yang dikumpulkan telah dipamerkan mengikut series atau kategori khusus. Ia dimulakan dengan (i) *Prehistoric Races*; (ii) *Modern Savage Dan* (iii) *European Civilized Man*. Wallace menyebut bahawa tiada bangsa di kawasan tropika atau Alam Melayu yang membangunkan tamadun. Hanya orang barat sahaja yang dapat membangunkan tamadun. Jadi, tanpa bantuan orang barat, masyarakat Alam Melayu tidak akan mampu membina tamadun sendiri.⁶³ Tajuk pemetaan tahap perzamanan di Alam Melayu mengikut pengaruh budaya dan agama diterangkan seperti berikut:

1. Sifat kebergantungan Alam Melayu dengan pengaruh asing. Dalam hal ini, pengaruh kolonial dianggap paling bermakna kerana mengajar elemen saintifik kepada orang Melayu. Mereka menafikan kepandaian tempatan orang Melayu (*local wisdom*) dalam melahirkan tamadun Melayu dan terpaksa bergantung dan meniru tamadun asing. Ia terdiri daripada pengaruh budaya dan agama asing yang datang di Alam Melayu tanpa disengajakan.
2. Mereka langsung tidak menyebut agenda pihak British datang untuk tujuan penjajahan - faktor ekonomi semata-mata. Bahkan didakychkan bahawa tujuan mereka datang untuk turut campur tangan di Tanah Melayu demi mengajar pentadbiran negara kepada orang Melayu.
3. Menunjukkan kawasan Tanah Melayu secara lebih makro berdasarkan pengaruh dengan dengan kawasan luar seperti Arab, India dan Cina.⁶⁴

Memandangkan bahan-bahan spesimen telah dikumpulkan, maka British merasakan perlu ada tempat penyimpanan tertentu untuk kegunaan mereka. Selain adanya istana yang pernah dijadikan muzium atau perpustakaan, tercetus juga idea mendirikan muzium secara otonomi. Misalnya Muzium Perak yang dibina pada 1 Januari 1883 adalah hasil cetusan Sir Hugh Low, Residen British ke-3 di Perak. Leonard Wray, seorang penguasa taman iaitu

Maxwell Hill (kini dikenali sebagai Bukit Larut) di Taiping telah dilantik sebagai kurator pertama Muzium Perak ini untuk mengumpul spesimen alam semulajadi dan etnologi tempatan sebagai koleksi awal muzium tersebut.

Gambar 17: Muzium Perak yang dibina secara rasminya pada 1 Januari 1883



Sumber: Lembaga Muzium Negeri Perak

Kesimpulan

Rumusan akhirnya, kita dapat menyaksikan pengaruh LAM iaitu perpustakaan, arkib dan muzium amat besar sekali dalam sejarah pembangunan dunia. Ia bermula di eropah yang telah melahirkan tamadun renaissance, enlightenmen dan Revolusi Industri. Pihak penjajah British kemudiannya telah meneruskan pendekatan LAM Eropah di Tanah Melayu. Ternyata sekali ia telah Berjaya menghasilkan ilmu kolonial mengandungi sejumlah maklumat tentang masyarakat Tanah Melayu. Selepas merdeka ilmu kolonial ini telah dianggap sebagai ilmu yang kononnya bersifat objektif hasil penguasaan pihak kolonial dengan dunia akademik antarabangsa. Ia disokong sama dengan wujudnya koleksi LAM milik British pada masa sekarang yang tetap dijadikan bahan rujukan oleh penyelidik moden. Sesuai dengan falsafah pasca colonial, ilmu colonial yang terkandung dalam koleksi LAM milik British ini perlu dikaji secara kritikal oleh pengkaji moden demi untuk mengenalpasti serta merekonstruksi catatan sejarah Tanah Melayu.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al- Sultan Abdullah-Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (002.MUZEOLOGI/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

Biodata

* **Ahmad Farid Abd Jalal** (farid.museumpahang@gmail.com) merupakan Pengarah Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

** **Rahimin Affandi Abdul Rahim** (corresponding author) (faqir_ila_rabbih@um.edu.my) merupakan Professor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

*** **Muhammad Jumaidy Abdul Manap** (ady.muziumpahang@gmail.com) merupakan staf Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

Received: 28 April 2022

Reviewed: 20 Mei 2022

Accepted: 20 Jun 2022

Nota

¹ Margaret Hedstrom & John Leslie King, "On the LAM: Library, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities", Organisation for Economic Co-Operation and Development, <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>

² Katherine Howard, "Educating Cultural Heritage Information Professionals for Australia's Galleries, Libraries, Archives and Museums: A Grounded Delphi Study", Tesis PhD, Queensland University of Technology, 2015, hlm 28-34.

³ Alex Byrne, "Institutional Memory and Memory Institutions", *The Australian Library Journal*, Vol. 64, No. 4, 2015, hlm. 1-11.

⁴ Kim Ryholt & Gojko Barjamovic, "Libraries before Alexandria", dalam Kim Ryholt & Gojko Barjamovic (ed.), *Libraries before Alexandria: Ancient Near Eastern Traditions*, Oxford, UK: Oxford University Press, 2019, hlm. 1-66.

⁵ Margaret Hedstrom & John Leslie King, "On the LAM: Library, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities", Organisation for Economic Co-Operation and Development, <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>

⁶ W.C. Dampier, *A History of Science and Its Relations with Philosophy and Religion*, Cambridge: Cambridge University Press, 1948, hlm. 67-70.

⁷ Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, "Tipologi Interaksi Antaraagama dan Sains: Satu Penilaian dan Cadangan Menurut Perspektif Islami", Tesis PhD, Fakulti Sains, Universiti Malaya, 2012, hlm. 80-89.

⁸ Grosseteste merupakan Canselor di University of Oxford (dilantik pada tahun 1224) sebelum menjadi Biskop Lincoln pada tahun 1235 sehingga kematiannya.

⁹ Lisa Graziose Corrin, "A Natural History of Wonder and a Wonderful History of Nature", dalam Lisa Graziose Corrin, Miwon Kwon & Norman Bryson (ed.), *Mark Dion*, London: Phaidon Press Ltd, 1997, hlm. 57.

¹⁰ Oliver Impey & Arthur MacGregor (ed.), *The Origins of Museums: The Cabinet of Curiosities in Sixteenth and Seventeenth Century Europe*, Oxford: Clarendon Press, 1985, hlm. 2.

¹¹ Charlotte Morgan, "In the Name of the Empire: How Collections Were Used in the 18th and 19th Centuries to Strengthen Britain's International Powerbase", Tesis PhD, University of Leicester, 2015, hlm. 17-20.

¹² Emily Duthie "The British Museum: An Imperial Museum in a Post-Imperial World", *Public History Review*, Vol. 18, 2011, hlm. 12-25

¹³ Stuart Frost, "A Bastion of Colonialism: Public Perceptions of the British Museum and its Relationship to Empire", *Third Text*, Vol. 33, No. 4-5, 2019, hlm. 487-499.

¹⁴ Yuka Inoue, "Museum Education and International Understanding: Representations of Japan at the British Museum", Tesis PhD, University of London, 2005, hlm. 41.

¹⁵ Arthur MacGregor, *Sir Hans Sloane: Collector, Scientist, Antiquary, Founding Father of the British Museum*, London: British Museum Press, 1994, hlm. 47.

¹⁶ James Delbourgo, *Collecting the World: The Life and Curiosity of Hans Sloane*, London: Allen Lane, London, 2017.

¹⁷ Joseph Maria van Beurden, "Treasures in Trusted Hand Negotiating the Future of Colonial Cultural Objects", Tesis PhD, University of Amsterdam, 2016, hlm. 45-48.

¹⁸ Ibid. Joseph Maria van Beurden, "Treasures in Trusted Hand Negotiating the Future of Colonial Cultural Objects", Tesis PhD, University of Amsterdam, 2016, hlm. 45-48.

¹⁹ Charles Hirschman and Sabrina Bonaparte, "Population and Society in Southeast Asia: A Historical Perspective", dalam Linda Williams (ed.), *Demography of Southeast Asia, Southeast Asia Program*, Ithaca: Cornell University, 2012, hlm. 1-37.

- ²⁰ Sila Lihat Sivachandralingam Sundara Raja (2015), *The Early British Administrators In The Malay States, 1874-1909*, Vol. 24 No. 1, *Jurnal Sejarah*, hlm. 33-41.
- ²¹ G. Knaap, "One Hundred and Fifty Volumes of Bidragen", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 150, No. 4, 1994, hlm. 637-652.
- ²² R.S. Milne & D.K. Mauzy, *Malaysia: Traditional, Modernity and Islam*, Boulder: West View Press, 1986, hlm. 20.
- ²³ Awang Had Salleh, *Pelajaran Dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British Dengan Rujukan Khas Kepada Sultan Idris Training College (SITC)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 141-142.
- ²⁴ R. Stevenson, *Cultivators And Administrators., British Educational Policy Towards The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm.180.
- ²⁵ Report On Education of the Strait Settlements, 1903, hlm. 58.
- ²⁶ Soda Naoki, *The Malay World In Textbooks: The Transmission Of Colonial Knowledge in British Malaya, Southeast Asian Studies*, Vol. 39, No. 2, 2001, hlm. 188-230.
- ²⁷ N. Ginsburg & C.F. Roberts, *Malaya*, Seattle: University of Washington Press, 1958, hlm. 221.
- ²⁸ R.S. Milne & D.K. Mauzy, *Malaysia: Traditional, Modernity and Islam*, hlm. 20.
- ²⁹ M. Özay, "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia", *Insan & Toplum*, Vol. 3, No. 6, 2013, hlm. 271-282.
- ³⁰ Bernard Cohn, *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India*, Oxford: Oxford University Press, 1997, hlm. 5.
- ³¹ Tiew Wai Sin, "History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), 1878-1997: An Overview", *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Vol. 4, No. 1, 1998, hlm. 43-60.
- ³² Rahimin Affandi Abd. Rahim, Siti Maimunah Binti Kahal (2017), Ilmu Kolonial Dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritis, *Jurnal Sejarah*, No. 26, Bil. 1, hlm. 33-49.
- ³³ Joel S. Kahn, *Other Malays: Nationalism and Cosmopolitanism in the Modern Malay World*, Honolulu: University of Hawaii Press, 2006, hlm. 15 & 56-57.
- ³⁴ Hanapi Dolah, "Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis", *SARI*, Vol. 1, No. 2, 1983, hlm. 125-139.
- ³⁵ Abd Halim Ismail, "Ilmu Kolonial dan Hukum Islam di Malaysia", Tesis M.A., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2018, hlm. 129-131.
- ³⁶ Haji Hairuddin Megat Latif, "Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan Faktor Sejarah Perundangan Tanah Melayu", *REKAYASA*, Vol. 5, 2009, hlm. 22-47.
- ³⁷ M.B. Hooker, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 10.
- ³⁸ Jelani Harun, "Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London", *SARI*, Vol. 26, 2008, hlm. 127-148.
- ³⁹ Iza R. Hussin, *The Politics of Islamic Law: Local Elites, Colonial Authority, and the Making of the Muslim State*, Chicago: The University of Chicago Press, 2016, hlm 13-16.
- ⁴⁰ Soda Naoki (2001), *The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya, Southeast Asian Studies*, Vol. 39, No.2, h. 204.
- ⁴¹ R.J. Wilkinson, "A History of the Peninsular Malays, With Chapters on Perak and Selangor", dalam R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 33.
- ⁴² Soda Naoki, "The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya", *Southeast Asian Studies*, Vol. 39, No. 2, 2001, hlm 188-230.
- ⁴³ Meor Ahmad Noor Mior Hamzah, "Konsep Sempadan Negeri Dalam Masyarakat", *Jati*, Bil. 6, 2001, hlm 69-97.
- ⁴⁴ Lauren Benton, *A Search for Sovereignty: Law and Geography in European Empires, 1400-1900*, Cambridge: Cambridge University Press, 2010, hlm 1-40.
- ⁴⁵ P. Bruce Buchan, 1994, "The East India Company 1749-1800: The Evolution of a Territorial Strategy and the Changing Role of the Directors", *Business and Economic History*, Vol. 23, No.1, hlm. 52-61.
- ⁴⁶ A.C. Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*, Cambridge: Cambridge University Press, 1994, hlm. 107.
- ⁴⁷ B.W. Andaya, *A History of Malaya*, London: Macmillan, 1982, hlm. 183.
- ⁴⁸ Nur Dayana Mohamed Ariffin (2020), Maps, Colonial Vision, Race And Scientific Legitimacy Of British Rule In Malaya, 1860-1924, *Jurnal Sejarah*, No. 29 (1) , hlm 41-55.
- ⁴⁹ Mohamed Anwar Omar Din, "Asal Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya", *Jurnal Melayu*, Vol. 7, 2011, hlm. 1-82.
- ⁵⁰ V.R. Savage, *Western Impression of Nature and Landscape in Southeast Asia*, Singapore: Singapore University Press, 1984, hlm. 185.
- ⁵¹ B. Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London: Verso, 1991, hlm. 178.

- ⁵² Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu”, *Jurnal Melayu Sedunia*, Vol. 3, No. 1, 2020, hlm. 122 -147.
- ⁵³ Syed Muhd Khairudin Aljunied, “A Theory of Colonialism in The Malay World”, *Postcolonial Studies*, Vol. 14, 2011, hlm. 1 & 7-21.
- ⁵⁴ Edward Said, *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of the World*, London: Vintage Books, 1981, hlm. 39-40, 60 & 62.
- ⁵⁵ S.J. Barnett, *The Enlightenment and Religion the Myths of Modernity*, Manchester: Manchester University Press, 2003, hlm. 11-121.
- ⁵⁶ Sebagai contoh Frank Swettenham menyatakan bagaimana Raja Muda Abdullah telah meminta British untuk campur tangan di negeri Perak dengan tujuan, “...to teach him how to rule this unruly country, but the circumstances alone made that interference the duty of the paramount power”. Lihat F. Swettenham, *About Perak*, Singapore: Straits Times Press, 1893, hlm. 5 & 9.
- ⁵⁷ Wang Gungwu, *Scholarship and the History and Politics of Southeast Asia*, Flinders University Asian Studies, No. 1, Adelaide: Flinders University, 1970, hlm. 11.
- ⁵⁸ Zainal Kling, *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori*, Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1994, hlm. 8-10.
- ⁵⁹ Bryan S. Turner, “Gustave E. von Grunebaum and the Mimesis of Islam”, dalam Asaf Hussain (ed.), *Orientalism, Islam and Islamist*, Vermont: Amana Books Inc., 1964, hlm. 193-202.
- ⁶⁰ Carolina Lopez, “The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilization Traditions”, *SARI*, Vol. 19, 2001, hlm. 3-33
- ⁶¹ B. Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London: Verso, 1991, hlm. 185.
- ⁶² Loh Chee Yin, “The A.R. Wallace Collection in the Sarawak Museum Reference Library”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. 15, 1967, hlm. 446-455.
- ⁶³ V.R. Savage, *Western Impression of Nature and Landscape in Southeast Asia*, hlm. 125.
- ⁶⁴ Anthony Reid, “Introduction: A Time and a Place”, dalam Anthony Reid (ed.), *Southeast Asia in the Early Modern Era: Trade, Power and Belief*, Ithaca: Cornell University Press, 1993, hlm. 1–19.

Rujukan

- A.C. Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*, Cambridge: Cambridge University Press, 1994.
- Abd Halim Ismail, “Ilmu Kolonial dan Hukum Islam di Malaysia”, Tesis M.A., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2018.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu”, *Jurnal Melayu Sedunia*, Vol. 3, No. 1, 2020.
- Alex Byrne, “Institutional Memory and Memory Institutions”, *The Australian Library Journal*, Vol. 64, No. 4, 2015.
- Anthony Reid, “Introduction: A Time and a Place”, dalam Anthony Reid (ed.), *Southeast Asia in the Early Modern Era: Trade, Power and Belief*, Ithaca: Cornell University Press, 1993.
- Arthur MacGregor, *Sir Hans Sloane: Collector, Scientist, Antiquary, Founding Father of the British Museum*, London: British Museum Press, 1994.
- Awang Had Salleh, *Pelajaran Dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British Dengan Rujukan Khas Kepada Sultan Idris Training College (SITC)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- B. Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London: Verso, 1991.
- B. Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, London: Verso, 1991.
- B.W. Andaya, *A History of Malaya*, London: Macmillan, 1982.

- Bernard Cohn, *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India*, Oxford: Oxford University Press, 1997.
- Bryan S. Turner, "Gustave E. von Grunebaum and the Mimesis of Islam", dalam Asaf Hussain (ed.), *Orientalism, Islam and Islamism*, Vermont: Amana Books Inc., 1964.
- Carolina Lopez, "The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilization Traditions", *SARI*, Vol. 19, 2001.
- Charles Hirschman and Sabrina Bonaparte, "Population and Society in Southeast Asia: A Historical Perspective", dalam Linda Williams (ed.), *Demography of Southeast Asia, Southeast Asia Program*, Ithaca: Cornell University, 2012.
- Charlotte Morgan, "In the Name of the Empire: How Collections Were Used in the 18th and 19th Centuries to Strengthen Britain's International Powerbase", Tesis PhD, University of Leicester, 2015.
- Edward Said, *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of the World*, London: Vintage Books, 1981.
- Emily Duthie "The British Museum: An Imperial Museum in a Post-Imperial World", *Public History Review*, Vol. 18, 2011.
- F. Swettenham, *About Perak*, Singapore: Straits Times Press, 1893.
- G. Knaap, "One Hundred and Fifty Volumes of Bidragen", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Vol. 150, No. 4, 1994.
- Haji Hairuddin Megat Latif, "Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan Faktor Sejarah Perundangan Tanah Melayu", *REKAYASA*, Vol. 5, 2009.
- Hanapi Dolah, "Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis", *SARI*, Vol. 1, No. 2, 1983.
- Iza R. Hussin, *The Politics of Islamic Law: Local Elites, Colonial Authority, and the Making of the Muslim State*, Chicago: The University of Chicago Press, 2016.
- James Delbourgo, *Collecting the World: The Life and Curiosity of Hans Sloane*, London: Allen Lane, London, 2017.
- Jelani Harun, "Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London", *SARI*, Vol. 26, 2008.
- Joel S. Kahn, *Other Malays: Nationalism and Cosmopolitanism in the Modern Malay World*, Honolulu: University of Hawaii Press, 2006.
- Joseph Maria van Beurden, "Treasures in Trusted Hand Negotiating the Future of Colonial Cultural Objects", Tesis PhD, University of Amsterdam, 2016.
- Katherine Howard, "Educating Cultural Heritage Information Professionals for Australia's Galleries, Libraries, Archives and Museums: A Grounded Delphi Study", Tesis PhD, Queensland University of Technology, 2015.
- Kim Ryholt & Gojko Barjamovic, "Libraries before Alexandria", dalam Kim Ryholt & Gojko Barjamovic (ed.), *Libraries before Alexandria: Ancient Near Eastern Traditions*, Oxford, UK: Oxford University Press, 2019.
- Lauren Benton, *A Search for Sovereignty: Law and Geography in European Empires, 1400-1900*, Cambridge: Cambridge University Press, 2010.
- Lisa Graziose Corrin, "A Natural History of Wonder and a Wonderful History of Nature", dalam Lisa Graziose Corrin, Miwon Kwon & Norman Bryson (ed.), *Mark Dion*, London: Phaidon Press Ltd, 1997.
- Loh Chee Yin, "The A.R. Wallace Collection in the Sarawak Museum Reference Library", *Sarawak Museum Journal*, Vol. 15, 1967.
- M. Özay, "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia", *İnsan & Toplum*, Vol. 3, No. 6, 2013.

- M.B. Hooker, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Margaret Hedstrom & John Leslie King, "On the LAM: Library, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities", Organisation for Economic Co-Operation and Development, <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>
- Margaret Hedstrom & John Leslie King, "On the LAM: Library, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities", Organisation for Economic Co-Operation and Development, <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>
- Meor Ahmad Noor Mior Hamzah, "Konsep Sempadan Negeri Dalam Masyarakat", *Jati*, Bil. 6, 2001.
- Mohamed Anwar Omar Din, "Asal Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya", *Jurnal Melayu*, Vol. 7, 2011.
- N. Ginsburg & C.F. Roberts, *Malaya*, Seattle: University of Washington Press, 1958.
- Nur Dayana Mohamed Ariffin (2020), Maps, Colonial Vision, Race And Scientific Legitimacy Of British Rule In Malaya, 1860-1924, *Jurnal Sejarah*, No. 29 (1) .
- Oliver Impey & Arthur MacGregor (ed.), *The Origins of Museums: The Cabinet of Curiosities in Sixteenth and Seventeenth Century Europe*, Oxford: Clarendon Press, 1985.
- P. Bruce Buchan, 1994, "The East India Company 1749-1800: The Evolution of a Territorial Strategy and the Changing Role of the Directors", *Business and Economic History*, Vol. 23, No.1.
- R. Stevenson, *Cultivators And Administrators., British Educational Policy Towards The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- R.J. Wilkinson, "A History of the Peninsular Malays, With Chapters on Perak and Selangor", dalam R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- R.S. Milne & D.K. Mauzy, *Malaysia: Traditional, Modernity and Islam*, Boulder: West View Press, 1986.
- R.S. Milne & D.K. Mauzy, *Malaysia: Traditional, Modernity and Islam*.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Siti Maimunah Binti Kahal (2017), Ilmu Kolonial Dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal, *Jurnal Sejarah*, No. 26, Bil. 1, hlm. 33-49.
- Report On Education of the Strait Settlements, 1903.
- S.J. Barnett, *The Enlightenment and Religion the Myths of Modernity*, Manchester: Manchester University Press, 2003.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, "Tipologi Interaksi Antaraagama dan Sains: Satu Penilaian dan Cadangan Menurut Perspektif Islami", Tesis PhD, Fakulti Sains, Universiti Malaya, 2012.
- Sivachandralingam Sundara Raja (2015), The Early British Administrators In The Malay States, 1874-1909, Vol. 24 No. 1, *Jurnal Sejarah*.
- Soda Naoki (2001), *The Malay World in Textbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya, Southeast Asian Studies*, Vol. 39, No.2.
- Soda Naoki, *The Malay World In Textbooks: The Transmission Of Colonial Knowledge in British Malaya, Southeast Asian Studies*, Vol. 39, No. 2, 2001.
- Stuart Frost, "A Bastion of Colonialism: Public Perceptions of the British Museum and its Relationship to Empire", *Third Text*, Vol. 33, No. 4-5, 2019.
- Syed Muhd Khairudin Aljunied, "A Theory of Colonialism in The Malay World", *Postcolonial Studies*, Vol. 14, 2011.

- Tiew Wai Sin, "History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), 1878-1997: An Overview", *Malaysian Journal of Library and Information Science*, Vol. 4, No. 1, 1998.
- V.R. Savage, *Western Impression of Nature and Landscape in Southeast Asia*, Singapore: Singapore University Press, 1984.
- V.R. Savage, *Western Impression of Nature and Landscape in Southeast Asia*.
- W.C. Dampier, *A History of Science and Its Relations with Philosophy and Religion*, Cambridge: Cambridge University Press, 1948.
- Wang Gungwu, *Scholarship and the History and Politics of Southeast Asia*, Flinders University Asian Studies, No. 1, Adelaide: Flinders University, 1970.
- Yuka Inoue, "Museum Education and International Understanding: Representations of Japan at the British Museum", Tesis PhD, University of London, 2005.
- Zainal Kling, *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori*, Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor, Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1994.